

**KE ARAH MENCAPAI KESAKSAMAAN GENDER:
ANALISIS PEMERKASAAN WANITA MELALUI SEKTOR
EKOPELANCONGAN DI KADAMAIAAN, KOTA BELUD, SABAH
*ACHIEVING GENDER EQUALITY: AN ANALYSIS OF WOMEN
EMPOWERMENT THROUGH ECOTOURISM
IN KADAMAIAAN, KOTA BELUD, SABAH***

DAYANG SURIA MULIA¹ KARTINA NARWAN²

^{1&2}Program Antropologi & Sosiologi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
88400 Universiti Malaysia Sabah

¹dsh99@ums.edu.my ²kartinanarwan@gmail.com

Tarikh dihantar: 23 Februari 2020 / Tarikh diterima: 09 April 2020

ABSTRAK Pemerksaan wanita merupakan aspek penting dalam mencapai kesaksamaan gender. Kesaksamaan gender merujuk kepada keadaan, iaitu wanita dan lelaki menikmati peluang, akses, hak dan tanggungjawab yang sama dalam semua aspek kehidupan. Dalam konteks perbincangan artikel ini, ekopelancongan dianggap sebagai satu ‘alat’ yang mampu memperksa wanita dari aspek ekonomi, sosial dan politik. Penglibatan aktif wanita dalam aktiviti ekopelancongan membolehkan mereka terlibat dalam proses membuat keputusan, meningkatkan akses, kawalan dan pemilikan terhadap sumber alam semula jadi. Antara isu utama yang dibincangkan dalam artikel ini ialah kepelbagaian peranan wanita yang terlibat aktif dalam ekopelancongan di Kadamaian, Kota Belud. Kepelbagaian peranan dan penglibatan wanita dalam sektor ini memberi petunjuk kepada tahap pemerksaan mereka yang terlibat. Indikator untuk menilai elemen pemerksaan wanita antaranya ialah akses kepada pemilikan dan kawalan sumber, penglibatan dalam proses membuat keputusan, peningkatan kemahiran, keyakinan diri dan pengembangan jaringan sosial. Penilaian tahap pemerksaan wanita juga diteliti dari aspek keupayaan mengurus sumber dan bagaimana mereka mampu menyaingi lelaki dalam mengendalikan aktiviti lasak dalam sektor ekopelancongan. Kaedah kualitatif yang digunakan untuk mendapatkan data termasuklah temu bual secara mendalam, *focus group discussion* (FGD), pemerhatian di samping menyertai aktiviti ekopelancongan yang menampilkan wanita sebagai pengendali aktiviti. Dapatan kajian menunjukkan terdapat elemen pemerksaan wanita dalam sektor ekopelancongan di Kadamaian. Seramai 44 orang responden wanita yang ditemu bual dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan terdapat 22 peratus wanita yang memiliki dan mengurus *homestay*, 15 peratus wanita mengetuai projek ekopelancongan berasaskan komuniti, dan 15 peratus wanita menjadi pengendali pendaki dan pengembaraan hutan. Namun, masih

ramai wanita yang terlibat dalam kerja pembersihan dan keceriaan di *camping site* dan *homestay*, iaitu sebanyak 42 peratus dan selebihnya wanita menjadi pengendali penunggang kuda, pertukangan, landskap, pengendali aktiviti seperti rakit dan aktiviti perkhemahan. Dapatan kajian ini boleh dijadikan input kepada agensi berkaitan dalam merangka dasar dan strategi untuk memperkasa wanita di luar bandar.

Kata kunci: Pemerdayaan wanita, jurang gender, kesaksamaan gender, pembangunan komuniti, luar bandar, ekopelancongan.

ABSTRACT *Women empowerment is a critical aspect in achieving gender equality. Gender equality refers to the situation in which women and men enjoy equal opportunities, access, rights and responsibilities in all aspects of life. In the context of this article, ecotourism is considered as a 'tool' that can empower women economically, socially and politically. Active participation of women in ecotourism activities enables them to be involved in decision-making, increasing their access, control and ownership of natural resources. The main objective of this research is to identify the roles of women involved in ecotourism in Kadamaian, Kota Belud. The second objective is to assess the level of women empowerment involved in ecotourism activities. Indicators used to assess women empowerment elements are the level of their access to ownership and control of resources, their involvement in decision-making, skills development, self-confidence and social networks development. The assessment of the level of women empowerment is also examined in terms of resource management capabilities and the ability to compete with males in the management of extreme activities in the ecotourism sector. Qualitative methods which are used in this research include in-depth interviews, focus group discussion (FGD), observations as well as participatory in ecotourism activities that featured women as facilitators of activities. The findings show that there is an element of women empowerment in ecotourism activities. A total of 44 female respondents were interviewed in this study. The findings indicate that 22 per cent of women own and operate a homestay, 15 per cent of women lead community-based ecotourism projects, and 15 per cent of women are skilled hikers and jungle-trekking guides. However, there are still more women involved in cleaning and maintenance tasks at the camping sites and homestays, which accounts for 42 per cent and the rest of the women are horse handlers,*

carpenters, involved in landscapes, handlers for activities such as rafting, and camping activities. The findings of this study can serve as an input to relevant agencies in formulating policies and strategies for empowering rural women.

Keywords: *Women empowerment, gender gap, gender equality, community development, rural, ecotourism.*

PENDAHULUAN

Walaupun banyak kemajuan telah dicapai dalam konteks pemerksaan wanita, secara umumnya wanita masih belum menikmati kesaksamaan hak asasi sepenuhnya dari segi kawalan dan pemilikan sumber serta belum mendapat keistimewaan dan manfaat yang sama seperti diperoleh lelaki. Pelaksanaan tugas-tugas reproduktif dan produktif antara lelaki dan wanita dalam sesebuah isi rumah masih tidak seimbang, masih kurang mobiliti sosial dalam kalangan wanita, dan lebih penting lagi akses, kawalan dan pemilikan sumber masih terhad. Dalam konteks ketidaksaksamaan gender, pengkaji-pengkaji seperti Scott *et al.* (2010) dan Ridgeway (2011) telah merumuskan bahawa situasi ini merujuk kepada perbezaan hak, peluang, status, kuasa, tanggungjawab, akses, kawalan dan pemilikan terhadap sumber antara lelaki dan wanita. Kesemua aspek tersebut dipengaruhi oleh budaya sesebuah masyarakat dan sejauh mana sistem patriarki diamalkan dalam masyarakat tersebut.

Isu utama yang dibincangkan dalam artikel ini ialah tahap pemerksaan wanita dan bagaimana mencapai kesaksamaan gender dalam sektor ekopelancongan di luar bandar. Sehubungan dengan itu, ciri-ciri atau kriteria ekopelancongan seperti yang dirumuskan oleh Donohue dan Needham (2006: 192) ialah: (1) berasaskan alam semula jadi; (2) pemeliharaan/pemuliharaan; (3) pendidikan; (4) keamanan; (5) pembahagian faedah atau manfaat; dan (6) etika/tanggungjawab/kesedaran. Bagi Weaver dan Lawton (2007:1170), ekopelancongan perlu mempunyai tiga kriteria teras iaitu (1) tarikan berdasarkan alam semula jadi; (2) interaksi pengunjung dengan tarikan-tarikan tersebut harus difokuskan kepada pembelajaran atau pendidikan, dan (3) pengalaman dan pengurusan produk harus mematuhi prinsip dan amalan yang berkaitan dengan ekologi, sosiokebudayaan dan keamanan ekonomi.


Kajian-kajian ekopelancongan di Malaysia secara umum lebih terfokus kepada cabaran dan impak ekopelancongan terhadap pembangunan di luar bandar (rujuk Duini, 2010 dan Sato *et al.*, 2013) serta isu kelestarian ekopelancongan (contohnya Jayaraman *et al.*, 2010; Faiz & Izzal, 2017). Dalam konteks Sabah, kajian-kajian lalu berkaitan ekopelancongan lebih menekankan kejayaan dan cabaran program *homestay* (Johan & Zaki, 2009, Intan *et al.*, 2012; Rosazman & Velan, 2014; Jirey *et al.*, 2015; Haniza, 2016 & Rosazman & Velan, 2016) serta potensi dan cabaran ekopelancongan (Ramzah & Amriah, 2008; Jabil, 2010; Jirey *et al.*, 2015; Abdullah *et al.*, 2016). Walaupun terdapat kajian-kajian lalu di Malaysia khususnya di Sabah yang membincangkan impak ekopelancongan terhadap pemerksaan wanita, kajian-kajian tersebut (contohnya Intan *et al.*, 2011 & Rosazman & Velan, 2016) tidak menganalisis secara khusus bagaimana sektor ekopelancongan mampu mengurangkan jurang ketidaksaksamaan gender. Melalui perbincangan ini, dapat dirumuskan bahawa kajian dan penelitian terhadap sektor ekopelancongan yang menggunakan perspektif gender masih kurang di Malaysia. Di luar negara pula, ramai sarjana antaranya Wilkinson dan Pratiwi (1995), Scheyvens (2007) dan Ferguson (2009) yang membincangkan isu gender dan ekopelancongan dalam kajian mereka. Kajian berkaitan ekopelancongan yang menggunakan perspektif gender cuba membincangkan secara khusus ketidaksaksamaan gender yang masih wujud dalam ekopelancongan.

Kajian-kajian lalu berkaitan ekopelancongan jelas menunjukkan wujudnya ketidaksaksamaan gender dalam sektor ini (antaranya kajian Schelhorn, 2010 & Obadic, 2016). Kajian-kajian tersebut menunjukkan lelaki mendominasi peranan-peranan penting dalam sektor ekopelancongan contohnya pengurus projek ekopelancongan, *lodge* dan pengendali aktiviti lasak (Scheyvens, 2000 & Barry, 2010), manakala wanita banyak memainkan peranan yang bersifat reproduktif seperti kerja pembersihan dan penyediaan makanan (Walter, 2011). Peranan gender yang tidak seimbang telah mengakibatkan kewujudan jurang gender dalam sektor ekopelancongan (Irindu & Shah, 2016). Ia juga menyebabkan perbezaan upah, peluang yang tidak seimbang dalam memperoleh kemahiran dan pengalaman baharu, jaringan sosial, hak, akses dan kawalan terhadap sumber dan kuasa dalam proses pembuatan keputusan (Scheyvens, 2000 & Ferguson,

2009). Ketidaksaksamaan yang wujud dalam sektor ekopelancongan telah memperlahankan pemerksaan wanita dari segi ekonomi, sosial, politik dan psikologi (Scheyvens, 2000), sedangkan pemerksaan wanita merupakan aspek kritikal untuk merapatkan jurang gender dan menjayakan pembangunan komuniti di kawasan luar bandar (Sproule, 1995; Scheyvens, 2007; Dayang Suria, 2017; Kartina & Dayang Suria, 2019). Sehubungan itu, antara persoalan kajian yang cuba diketengahkan dalam kajian ini ialah pertama, apakah peranan yang dijalankan wanita dalam sektor ekopelancongan di luar bandar, dan kedua, bagaimanakah penglibatan dan kepelbagaian peranan wanita dalam sektor ekopelancongan di luar bandar mampu memperksa wanita dalam sektor ini. Kajian pemerksaan wanita dalam sektor ekopelancongan yang mengaplikasikan perspektif gender masih kurang diterokai pengkaji tempatan. Hasil kajian kes seperti ini penting kerana boleh digunakan oleh agensi-agensi kerajaan yang relevan untuk merangka pembangunan yang sesuai di luar bandar khususnya dalam sektor yang berpotensi untuk menyerap ramai tenaga kerja wanita seperti sektor ekopelancongan.

Ekopelancongan di Sabah


Sektor pelancongan di Sabah mengalami perkembangan pesat dengan pertambahan jumlah pelancong dari luar negara dan juga pelancong tempatan setiap tahun. Sebagai contoh, pada tahun 2018, Sabah merekodkan pendapatan tertinggi dalam sejarah dengan memperoleh sejumlah RM8.342 bilion dari industri pelancongan. Jumlah kedatangan pelancong turut mencatatkan rekod tertinggi iaitu seramai 3.8 juta pelancong pada tahun yang sama. Statistik yang direkodkan Lembaga Pelancongan Sabah (Sabah Tourism Board, 2018) menunjukkan jumlah kedatangan pelancong meningkat 5.3 peratus sepanjang 2018 dan hasil pelancongan turut meningkat 6.6 peratus berbanding RM7.82 bilion pada 2017. Rajah 1 menunjukkan jumlah kedatangan pelancong ke Sabah antara tahun 2015–2019.



Sumber: Sabah Tourism Board (2019)

Rajah 1 Jumlah kedatangan pelancong ke Sabah, 2015–2019

Sementara itu, rekod kedatangan pelancong antarabangsa meningkat sebanyak 10.2 peratus, manakala peningkatan 2.8 peratus bagi ketibaan pelancong domestik (rujuk Rajah 2). Negara China melangkaui paras setengah juta ketibaan pelancong dengan rekod seramai 593,623 pelancong China datang ke Sabah pada tahun 2019. Pelancong dari Korea Selatan mencatatkan jumlah kedua tertinggi dengan peningkatan sebanyak 8.5 peratus melibatkan seramai 337,100 pelancong. Jumlah pelancong dari negara Singapura juga menunjukkan peningkatan, iaitu sebanyak 9.1 peratus tahun 2018. Rajah 2 menunjukkan jumlah kedatangan pelancong antarabangsa ke Sabah antara tahun 2015–2019.



Sumber: Sabah Tourism Board (2019)

Rajah 2 Jumlah kedatangan pelancong antarabangsa ke Sabah, 2015–2019

Daya tarikan Sabah mengikut tinjauan yang dijalankan oleh Sabah Tourism Board (STB) pada tahun 2018 menunjukkan pelancong datang ke Sabah disebabkan kewujudan aktiviti berkaitan ekopelancongan di negeri ini. Melalui tinjauan yang dijalankan oleh STB pada tahun 2018 menunjukkan daripada 3.8 juta pelancong yang datang ke Sabah, sebahagian besar daripada mereka ingin menikmati dan melawat pantai dan pulau (37 peratus), tertarik dengan alam semula jadi di Sabah (32 peratus), melakukan aktiviti pengembaraan (32 peratus) serta menyertai aktiviti menyelam (11 peratus).

METODOLOGI

Kajian ini memilih Kadamaian, Kota Belud sebagai lokasi kajian kerana sektor ekopelancongan berasaskan penyertaan komuniti semakin berkembang di kawasan ini. Sebanyak empat buah kampung yang aktif menjalankan aktiviti ekopelancongan telah dipilih mewakili kawasan Kadamaian di Kota

Belud, iaitu Kampung Melangkap, Kampung Nahaba, Kampung Sayap dan Kampung Tolungan. Kajian lapangan telah dijalankan dari 9 hingga 13 November 2019. Temu bual mendalam telah dijalankan bersama dengan 44 orang responden wanita daripada empat buah kampung tersebut. Selain itu, pemerhatian di lapangan juga dijalankan oleh pengkaji untuk mengenal pasti aktiviti ekopelancongan yang dijalankan dan untuk mengetahui kepelbagaian peranan wanita yang terlibat dalam sektor ekopelancongan. Pemerhatian di lapangan membantu pengkaji mengenal pasti aktiviti ekopelancongan dan kepelbagaian peranan yang dijalankan wanita dalam sektor tersebut. Pengkaji juga menyertai beberapa aktiviti pelancongan yang melibatkan wanita sebagai ketua dan pengendali aktiviti. Antara aktiviti yang disertai pengkaji ialah *jungle trekking*, *flying fox* dan aktiviti rakit di sungai yang dikendalikan wanita. Selain dari data primer, analisis data kualitatif juga melibatkan analisis data sekunder seperti buku, artikel dari jurnal, statistik serta laporan dari agensi kerajaan dan swasta yang berkaitan dengan isu kajian ini. Buku *Critical Issues in Ecotourism* telah digunakan untuk mengenal pasti isu ketidaksaksamaan gender dalam ekopelancongan. Selain itu, artikel '*Ecotourism and the Empowerment of Local Community*' oleh Scheyvens (1999) digunakan untuk memahami kerangka pemerksaan wanita yang terlibat dalam sektor ekopelancongan di luar bandar.

Dalam konteks memahami bagaimana analisis gender diaplikasikan dalam kajian pelancongan, kajian Ferguson (2009) telah dijadikan sebagai antara rujukan utama kajian. Seterusnya, untuk memahami berkenaan *Gender Mainstreaming*, kajian Nur Syakiran (2016) turut menjadi rujukan penting kajian ini. Statistik ketibaan pelancong dari Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya digunakan untuk mengenal pasti jumlah kedatangan pelancong dan pendapatan ekonomi melalui pelancongan. Statistik dari berkaitan kedatangan pelancong dan pendapatan ekonomi melalui pelancongan di Sabah menyokong rumusan tentang kepentingan sumbangan sektor ekopelancongan kepada pembangunan komuniti di luar bandar. Seterusnya, buku statistik Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan kadar penyertaan buruh wanita di Malaysia. Data dan maklumat yang dibincangkan dalam artikel ini merupakan dapatan kajian di empat buah kampung di Zon Kadamaian, Kota Belud. Model 1 seperti yang ditunjukkan merupakan kerangka model yang diadaptasi dari Scheyvens (1999; 2000) yang

diaplikasi untuk menjadi panduan perbincangan berkaitan tahap pemerksaan wanita di Kadamaian dan selanjutnya penelitian bagaimana ia menyumbang kepada pengurangan jurang gender dalam sektor tersebut.

Model 1 Indikator pemerksaan wanita

INDIKATOR	ELEMEN TAHAP PEMERKASAAN RESPONDEN WANITA
<p>EKONOMI</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penjanaan pendapatan • Wanita sebagai usahawan • Wanita dalam sektor informal – menjual produk lokal untuk pelancong 	<ul style="list-style-type: none"> • Melalui sektor ekopelancongan, wanita mampu menjana pendapatan melalui pekerjaan tetap contohnya bekerja sebagai penjaga kaunter yang menerima gaji bulanan sebanyak RM 600 sebulan. • Ekopelancongan telah membuka peluang ekonomi kepada mereka – mengusahakan <i>homestay</i>, menjual hasil tani, menjual produk makanan/kraf tangan dan menjalankan perkhidmatan urutan kepada pelancong.
<p>POLITIK</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terlibat membuat keputusan • Menjadi ketua/ pengurus 	<ul style="list-style-type: none"> • Melalui ekopelancongan wanita berpeluang menjadi sebagai ketua, pemilik <i>homestay</i> dan pengurus projek/syarikat ekopelancongan. Hal ini menunjukkan mereka mempunyai kuasa dalam proses pembuatan keputusan dalam projek/ syarikat ekopelancongan dan bertanggungjawab dalam operasi harian projek/syarikat ekopelancongan.
<p>SOSIAL</p> <ul style="list-style-type: none"> • Meluaskan jaringan sosial • Meningkatkan kemahiran berkemunikasi • Kemahiran teknikal dan skil lain 	<ul style="list-style-type: none"> • Ekopelancongan telah meningkatkan jaringan sosial wanita. Sebagai contoh, bertemu dengan rakan-rakan baharu yang menghasilkan kraf tangan lokal dan dijual kepada pelancong dari luar. • Selain itu, kemahiran berbahasa Inggeris juga meningkat kerana mereka perlu berinteraksi dengan pelancong luar. • Kemahiran pertukangan wanita juga meningkat dengan kewujudan ekopelancongan kerana mereka perlu mendirikan perusahaan ekopelancongan bersama suami/pekerja.
<p>PSIKOLOGI</p> <ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan 'awareness' tentang kepentingan alam semula jadi • Meningkatkan keyakinan 	<ul style="list-style-type: none"> • Melalui ekopelancongan, kesedaran wanita bertambah berkaitan kepentingan penjagaan alam sekitar dan kebersihan. Hal ini demikian kerana mereka bukan sahaja perlu mengutamakan kebersihan kawasan ekopelancongan, malahan keseluruhan kampung. • Wanita juga semakin yakin dan berani berinteraksi dengan pelancong lokal dan luar yang datang ke kawasan ekopelancongan.

Sumber: Diubah suai daripada Scheyvens (1999; 2000)

KAJIAN LEPAS

Weaver dan Lawton (2007: 1168) yang meneliti lebih dari 75,000 abstrak yang berkaitan dengan ekopelancongan dalam 6,000 penerbitan periodikal merumuskan walaupun bidang ekopelancongan telah semakin kukuh sebagai salah satu bidang penyelidikan, tetapi hasil penelitian tersebut menunjukkan hanya dua kajian berkaitan dengan isu gender dalam ekopelancongan. Sehubungan itu, Tran dan Walter (2014) membuat kesimpulan bahawa kebanyakan penyelidikan dalam bidang ekopelancongan sebagai ‘gender blind’ kerana tidak mengambil kira isu kesaksamaan gender dalam penyelidikan mereka. Namun, keadaan kini telah berbeza kerana semakin banyak kajian yang dijalankan menggunakan perspektif gender serta konsep pemerdayaan wanita dalam konteks ekopelancongan (contohnya kajian Walter, 2011; Tran & Walter, 2014; Irandu & Shah, 2014;). Dalam kajian Scheyvens (2000), gender digunakan sebagai variabel atau pemboleh ubah utama dalam menilai kelestarian sesebuah projek berkaitan pelancongan. Walaupun secara umum, Scheyvens (1999, 2000) bersetuju dengan ciri-ciri ekopelancongan seperti yang dicadangkan oleh sarjana lain, tetapi ia juga menegaskan bahawa dalam konteks ekopelancongan, ia boleh membawa kesan negatif dan positif kepada komuniti setempat. Oleh itu, beliau lebih menekankan implikasi ekopelancongan kepada komuniti dengan menjustifikasikan kesan positif ekopelancongan dari sudut sejauh mana ia berjaya memperkasa komuniti lokal khususnya wanita. Bagi Scheyvens (2000: 233), usaha ekopelancongan hanya boleh dianggap ‘berjaya’ jika ia mampu mempromosi pemerdayaan wanita, dan komuniti setempat mempunyai mekanisme kawalan ke atas pembangunan ekopelancongan dan berkongsi secara saksama faedah yang terhasil daripada ekopelancongan.

Kajian-kajian lalu yang dijalankan oleh Gentry (2007), Schellhorn (2010), Walter (2011), Monterrubio dan Espinosa (2013) serta Obadic (2016) yang membincangkan isu gender dalam ekopelancongan menegaskan, walaupun status wanita meningkat dan pendapatan ekonomi mereka bertambah, ketidaksaksamaan gender dari segi peranan gender dalam sektor pelancongan masih wujud. Wanita masih terikat melaksanakan peranan gender yang bersifat domestik dan tradisional seperti memasak, melakukan kerja pembersihan, melayan, menghiburkan tetamu dan terlibat dalam sektor

informal dengan berniaga dan menjual barangan kraf tangan serta makanan. Penegasan tersebut selaras dengan kajian Mwangi (2005) di Amboseli, Kenya yang mendapati wanita tidak dibenarkan menjawat sebarang jawatan dalam projek ekopelancongan dan masih perlu melaksanakan peranan reproduktif di rumah seperti memasak, menjaga anak dan menguruskan rumah. Dapatan kajian tersebut sama dengan rumusan kajian Simon *et al.* (2011) di Mahenya, Zimbabwe yang mendapati lelaki mendominasi kesemua peranan produktif dalam ekopelancongan, manakala wanita tidak dilibatkan langsung dalam proses pembuatan keputusan berkenaan projek ekopelancongan. Larangan ini selaras dengan budaya sesetengah komuniti di Afrika yang mengamalkan sistem patriarki.

Rumusan kajian Long dan Wall (1995) hampir sama dengan dapatan kajian Bras dan Dahles (1999), Reimer dan Walter (2013), Rosazman dan Velan (2016) serta Haniza (2016) yang merumuskan bahawa ekopelancongan mampu memperkasa wanita dari segi penjanaan pendapatan. Namun, dapatan kajian tersebut masih menunjukkan peranan gender yang dijalankan wanita masih terikat dengan peranan reproduktif. Contohnya, kajian yang dijalankan oleh Reimer dan Walter (2013) di Pergunungan Cardamom, Cambodia mendapati terdapat pembahagian kerja yang jelas antara lelaki dan wanita. Tanggungjawab memasak dan membersihkan dalam *homestay* serta rumah tumpangan kesemuanya dilakukan oleh wanita. Lelaki pula mendominasi pekerjaan seperti pengendali pelancong, pendaftaran pelancong dan operator bot. Dapatan kajian tersebut hampir sama dengan dapatan kajian Rosazman dan Velan (2016) di Kampung Abai, Kinabatangan dan Haniza (2016) di Batu Puteh, Kinabatangan yang mendapati wanita mendominasi pengurusan aktiviti dalam *homestay* yang sinonim dengan peranan gender tradisional yang bersifat reproduktif. Kajian Long dan Wall (1995) di Bali, Indonesia juga tidak menunjukkan perbezaan dari segi rumusan dapatan kajian. Wanita bertanggungjawab menjayakan *homestay* namun mereka tidak dibenarkan terlibat dalam organisasi pelancongan yang ditubuhkan serta membincangkan masa hadapan dan masalah yang timbul dalam perusahaan *homestay*.

Justeru, Gentry (2007) yang menjalankan penyelidikan berkaitan ekopelancongan di Belize merumuskan walaupun wanita terlibat secara aktif dalam sektor ekopelancongan tetapi mereka masih terikat dengan kerja-

kerja yang beliau panggil sebagai '*housewifization*' pekerjaan wanita. Hal ini disebabkan wanita masih melakukan kerja-kerja sebagai pekerja hotel bergaji rendah, pelayan dan tukang masak, manakala lelaki masih menguasai kerja-kerja sebagai pemandu pelancong yang dibayar gaji yang lebih tinggi, pengendali bot, pekerja penyelenggaraan serta kerja-kerja teknikal yang lain. Begitu juga dalam penyelidikan projek ekopelancongan di Lombok, Indonesia (Schellhorn, 2010), penyelidik mendapati bahawa wanita etnik Sasak yang terlibat dalam ekopelancongan hanya berperanan sebagai pekerja di ruang tamu dan pelayan restoran.

Dalam situasi yang berbeza, kajian Wilkinson dan Pratiwi (1995) serta Bras dan Dahles (1999) mendapati proses mobiliti sosial wanita berada pada tahap yang perlahan kerana halangan budaya dan stereotaip masyarakat berkaitan peranan wanita. Wanita dianggap hanya sesuai melakukan pekerjaan seperti pelayan, tukang masak dan pekerja pembersihan, manakala pekerjaan seperti mengendali pelancong dianggap tidak sesuai untuk wanita kerana pekerjaan tersebut memerlukan wanita bekerja lebih masa dan kadangkala bekerja hingga waktu malam. Sesuai dengan budaya masyarakat setempat, kajian Wilkinson dan Pratiwi (1995) juga mendapati wanita dianggap tidak sesuai menjadi pengendali pelancong disebabkan nilai dan norma masyarakat mempunyai pandangan bahawa wanita yang mengendali pelancong dan bergaul dengan mereka disamakan seperti pelacur. Implikasi positif ekopelancongan dijelaskan oleh Bras dan Dahles (1999) dan Wood (2002) yang mendapati ekopelancongan memberi peluang kepada wanita untuk menjana pendapatan tambahan dengan menyertai sektor informal seperti menjual barangan kraf tangan dan makanan kepada pelancong. Sebaliknya, kajian yang sama mendapati sistem patriarki yang berakar umbi dalam sesebuah komuniti khususnya di Bali dan masyarakat Nepal, di Langtang telah memperlahankan mobiliti sosial wanita. Hal ini demikian kerana suami hanya membenarkan isteri mereka menjual barangan dan makanan di kawasan yang berhampiran dengan rumah agar mereka tidak mengabaikan peranan reproduktif di rumah. Rumusan kajian-kajian lepas menunjukkan masih wujud ketidaksaksamaan gender dalam sektor ekopelancongan dalam pelbagai komuniti. Walaupun wujud elemen pemerksaan wanita yang boleh menyumbang ke arah mengurangkan jurang gender, ia masih berada pada tahap yang minimum.

Perspektif Teori Feminis

Teori Feminis menekankan kesaksamaan hak, taraf, kedudukan, status, akses dan peluang yang sama bagi semua individu tidak kira ia lelaki atau wanita (Tong & Botts, 2017). Proses untuk mencapai kesaksamaan gender atau sekurang-kurangnya mengurangkan jurang gender merupakan tema utama yang ditekankan dalam semua Teori Feminis. Bagi Feminis, kesaksamaan gender hanya boleh dicapai jika jurang perbezaan antara wanita dan lelaki dalam aspek ekonomi, sosial dan politik dapat dihapuskan. Pemerksaan wanita adalah salah satu elemen penting untuk mencapai kesaksamaan gender. Feminis menegaskan walaupun wanita menyertai pelbagai sektor ekonomi tetapi masih wujud unsur diskriminasi, eksploitasi, dan dalam konteks ekopelancongan masih wujud elemen *traditional gender divisions of labor*. Idea Teori Feminis juga menekankan perbezaan peranan gender dan hubungan gender antara lelaki dan wanita. Untuk mencapai kesaksamaan gender, peranan wanita yang lebih tertumpu kepada reproduktif dan bersifat tradisional perlu diubah.

Sektor ekopelancongan mampu menyumbang ke arah kesaksamaan gender jika peranan lelaki dan wanita dapat diseimbangkan. Oleh itu, kajian ekopelancongan yang menggunakan perspektif gender seperti Koeman (1998), Dilly (2003), Barry (2012), Manu *et al.* (2012), Tran dan Walter (2013) serta Fredrick *et al.* (2015) merumuskan bahawa sektor ekopelancongan mampu merapatkan jurang gender. Kesaksamaan gender boleh dicapai melalui keberhasilan sektor ini memperksa wanita dari aspek ekonomi, sosial, politik dan psikologi. Sebagai contoh, kajian Tran dan Walter (2013) di Vietnam dan Fredrick *et al.* (2015) di Kisumu, Kenya mendapati bahawa wanita mendapat peluang dan akses untuk menyertai latihan dan kursus sebagai pengendali pelancong dan operator bot. Kedua-dua kajian tersebut merumuskan wanita berjaya memecahkan dominasi lelaki dalam menjalankan peranan bersifat teknikal seperti operator bot. Tran dan Walter (2013) mendapati selain memperoleh kemahiran baharu sebagai pengendali pelancong, wanita juga berpeluang meningkatkan kemahiran mereka dalam persembahan tarian berkaitan budaya komuniti. Kedua-dua kajian tersebut mempunyai persamaan dengan dapatan kajian Koeman (1998) di Sa Pa, Vietnam yang mendapati wanita memecah dominasi lelaki dalam sektor ekopelancongan

kerana mereka turut menjadi pengendali pelancong serta menjadi pengiring pelancong mendaki Gunung Fansipan.


Selain itu, kajian Jacobus *et al.* (2005), Dilly (2003), Manu *et al.* (2012) dan Barry (2012) mendapati sektor ekopelancongan bukan sahaja mampu memperkasakan wanita tetapi ia juga mampu merapatkan jurang gender dari segi akses kepada sumber, kawalan terhadap sumber dan kuasa dalam proses pembuatan keputusan. Misalnya, kajian Manu *et al.* (2012) di Sirigu, Ghana dan kajian Barry (2012) di Isecheno, Kenya mendapati penglibatan aktif wanita dalam organisasi yang dibentuk di bawah sektor ekopelancongan telah memberikan mereka peluang mengemukakan pandangan dan cadangan dalam proses mengembang dan menyelesaikan masalah berkaitan projek ekopelancongan. Selain itu, wanita memecahkan dominasi lelaki dalam proses pembuatan keputusan kerana penglibatan dalam organisasi telah meningkatkan keyakinan diri, pengetahuan dan sumbangan mereka. Justeru, kuasa wanita ditingkatkan dalam proses pembuatan keputusan. Kajian Dilly (2003) di Guyana dan Jacobus *et al.* (2005) di Costa Rica menunjukkan wanita bukan sahaja mempunyai peluang untuk terlibat dalam proses pembuatan keputusan, malah wanita juga mempunyai akses dan kawalan terhadap sumber dalam sektor ekopelancongan. Kajian Dilly (2003) mendapati wanita mempunyai akses terhadap sumber melalui Projek Ubi Kayu dan mempunyai kawalan terhadap sumber tersebut. Mereka bertanggungjawab mengendalikan dan menguruskan projek tersebut untuk meningkatkan bekalan makanan di kawasan sektor ekopelancongan. Begitu juga dengan dapatan kajian Jacobus *et al.* (2005) di Costa Rica yang mendapati wanita mempunyai akses dalam mengendalikan *Recycling Plant*. Kesimpulannya, sektor ekopelancongan mampu memperkasakan wanita. Lebih penting dari itu, sektor ini juga mampu mengurangkan jurang gender dan tidak mustahil kesaksamaan gender boleh dicapai.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Sosioekonomi

Kajian ini mendapati bahawa umur responden yang paling aktif menyertai aktiviti ekopelancongan adalah mereka yang berada dalam lingkungan umur


41 sehingga 50 tahun iaitu seramai 21 orang bersamaan dengan 47.7 peratus. Diikuti dengan lingkungan umur 51 sehingga 60 tahun sebanyak 11 orang bersamaan dengan 25 peratus, manakala kategori umur yang paling sedikit menyertai sektor ekopelancongan adalah dalam lingkungan umur 10 sehingga 20 tahun dan 61 sehingga 70 tahun. Kedua-dua kategori umur tersebut mencatatkan hanya 2.3 peratus daripada keseluruhan jumlah responden. Rajah 3 di bawah menunjukkan analisis umur responden wanita yang terlibat aktif dalam ekopelancongan.



Sumber: Kerja lapangan, 9 hingga 13 November 2019

Rajah 3 Analisis umur responden


Berdasarkan pada tahap pendidikan responden, kajian ini mendapati sebanyak 20 orang responden wanita bersamaan dengan 45.5 peratus mencapai pendidikan sekolah menengah. Hanya 13.6 peratus iaitu seramai enam orang daripada 44 orang responden mendapat pendidikan sehingga sekolah rendah sahaja. Rajah 4 menunjukkan tahap pendidikan responden wanita dalam kajian ini.



Sumber: Kerja lapangan, 9 hingga 13 November 2019

Rajah 4 Tahap pendidikan responden wanita


Sementara itu, berdasarkan pada tempoh mula terlibat dalam industri ini, kajian mendapati 31.8 peratus bersamaan dengan 14 orang responden wanita mula terlibat aktif dalam ekopelancongan pada tahun 2017. Kemudian, diikuti dengan tahun 2016 iaitu seramai 12 orang iaitu 27.2 peratus. Hanya seorang responden wanita iaitu 2.3 peratus yang terlibat lebih awal dalam sektor ekopelancongan, iaitu pada tahun 1996. Rajah 5 menunjukkan jumlah dan peratusan tahun responden wanita mula terlibat aktif dalam sektor ekopelancongan.



Sumber: Kerja lapangan, 9 hingga 13 November 2019

Rajah 5 Tahun mula kerja (terlibat) dalam sektor ekopelancongan


Berdasarkan pada tempoh keterlibatan dalam industri ini, kajian ini mendapati 25 peratus, iaitu seramai 11 orang responden wanita menyertai sektor ekopelancongan selama empat tahun. 113.6 peratus bersamaan dengan enam orang responden wanita menyertai sektor ekopelancongan selama dua tahun dan 13.6 peratus lagi menyertai sektor ini selama tiga tahun. Hanya seorang iaitu 2.3 peratus menyertai sektor ekopelancongan selama lebih daripada sepuluh tahun. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti wanita di kawasan kajian melibatkan diri dalam sektor ekopelancongan di bawah jangka masa sepuluh tahun. Perkara ini selaras dengan perkembangan ekopelancongan di kawasan kajian yang masih agak baharu. Rajah 6 menunjukkan jangka masa (tahun) wanita mula terlibat dalam ekopelancongan.



Sumber: Kerja lapangan, 9 hingga 13 November 2019

Rajah 6 Jangka masa (tahun) terlibat dalam ekopelancongan

Berkenaan dengan jumlah pendapatan, kajian mendapati seramai 17 daripada 44 responden wanita yang ditemu bual, iaitu bersamaan dengan 38.6 peratus memperoleh pendapatan dalam lingkungan RM1,000 sehingga RM5,000. Kebanyakan wanita yang memperoleh pendapatan dalam lingkungan ini merupakan pengurus *homestay* dan pengurus *camp site*. Selain itu, seramai sepuluh responden wanita, iaitu 22.7 peratus memperoleh pendapatan dalam lingkungan RM100 sehingga RM500. Responden wanita yang memperoleh pendapatan dalam lingkungan ini pula kebanyakannya berperanan sebagai pekerja pembersihan dan penjaga kaunter di *camping site*. Seorang responden wanita (2.3 peratus) yang memperoleh pendapatan dalam kategori RM11,000 – RM20,000. Responden tersebut bertaraf usahawan dan menjadi pemilik *homestay*, *camp site* dan beberapa aset pelancongan. Rajah 7 menunjukkan analisis pendapatan responden wanita yang terlibat aktif dalam sektor ekopelancongan.




Sumber: Kerja lapangan, 9 hingga 13 November 2019

Rajah 7 Pendapatan responden wanita

Kepelbagaian Peranan Wanita dalam Sektor Ekopelancongan

Melalui kajian ini, pengkaji mendapati wanita menjalankan pelbagai peranan dalam sektor ekopelancongan. Antara peranan yang melibatkan wanita dalam sektor ekopelancongan adalah pengurusan dan pentadbiran projek ekopelancongan, pengendali pendaki dan pengembaraan hutan, pengurus *homestay*, peniaga makanan dan kraf tangan, penjaga kaunter pendaftaran di tapak perkhemahan, tukang masak di tapak perkhemahan, pekerja pembersihan di tapak perkhemahan dan *homestay*. Peranan lain ialah menjadi pengendali penunggang kuda, pertukangan, landskap, pengendali aktiviti seperti rakit, ikan *tagal* dan aktiviti perkhemahan. Peranan yang didominasi wanita ialah peranan sebagai kerja pembersihan, penjaga kaunter pendaftaran dan pengurus *homestay*. Pekerja pembersihan merupakan peranan yang paling banyak melibatkan wanita iaitu sebanyak 42.2 peratus bersamaan dengan 19 orang wanita. Rajah 8 menunjukkan analisis peranan responden wanita.



Sumber: Kerja lapangan, 9 hingga 13 November 2019

Rajah 8 Analisis peranan responden wanita

Selain itu, wanita juga mula terlibat dengan peranan yang biasanya didominasi oleh lelaki. Sebanyak tujuh orang, iaitu 15.6 peratus wanita terlibat aktif dalam pengurusan dan pentadbiran projek ekopelancongan. Terdapat dua orang wanita yang menjadi ketua *Community Based Tourism* (CBT) di Kampung Melangkap dan Kampung Tolungan iaitu Puan Doihim dan Puan Harlina. Peranan ini memberikan mereka peluang mengurus operasi harian CBT seperti membuat jadual kerja, merekrut pekerja dan menguruskan hal ehwal kewangan CBT. Di samping itu, wanita juga mula dilibatkan sebagai pengendali pendaki dan pengembaraan hutan iaitu seramai tujuh orang, bersamaan dengan 15.6 peratus. Pengkaji mendapati terdapat ramai

wanita yang terlibat sebagai pengendali pendaki khususnya di Kampung Sayap. Hal ini demikian kerana Kampung Sayap menyediakan pakej-pakej mendaki dan pengembaraan hutan yang menarik seperti mendaki laluan bertangga, meneroka Gua Mulut, Wasai ID Gua dan air terjun. Aktiviti ini menarik kedatangan ramai pelancong lokal dan antarabangsa, sekali gus dapat meningkatkan permintaan pengendali pendaki, pengembaraan hutan, gua dan air terjun.

Berdasarkan Rajah 8, seramai enam orang bersamaan dengan 13.3 peratus wanita yang menjadi pengendali penunggang kuda dan penyelamat di sungai contohnya di Sungai Wariu di Kampung Nahaba. Peranan-peranan ini merupakan peranan yang dahulunya didominasi oleh lelaki. Namun, dengan pembangunan sektor ekopelancongan yang pesat di Kadamaian, Kota Belud, ia telah memberi peluang kepada wanita untuk mencuba dan menceburkan diri dalam peranan yang jauh berbeza dengan peranan bersifat tradisional. Kepelbagaian peranan dalam sektor ekopelancongan ini telah menyumbang kepada usaha memperkasa wanita dari segi ekonomi, politik, sosial dan psikologi. Perbincangan selanjutnya menjurus kepada analisis elemen pemerksaan wanita di kawasan kajian berasaskan kepelbagaian peranan yang melibatkan wanita dalam sektor ekopelancongan.

Analisis Pemerksaan Wanita di Kadamaian, Kota Belud

Pengkaji mendapati sektor ekopelancongan di Kadamaian, Kota Belud mampu memperkasa wanita dari segi ekonomi, politik, sosial dan psikologi. Teori Feminis seperti yang telah dijelaskan menekankan kesaksamaan hak, taraf, kedudukan, status, akses dan peluang yang sama bagi semua individu tidak kira lelaki atau wanita (Tong & Botts, 2017). Proses untuk mencapai kesaksamaan gender atau sekurang-kurangnya mengurangkan jurang gender merupakan tema utama yang ditekankan dalam semua Teori Feminis. Oleh itu, adalah penting bagi pengkaji untuk meneliti sama ada pemerksaan wanita di Kadamaian, Kota Belud mampu merapatkan jurang ketidaksaksamaan gender. Justeru, untuk mengenal pasti hal tersebut, Model Indikator Pemerksaan Wanita diubah suai daripada Scheyvens (1999; 2000) digunakan untuk menerangkan proses pemerksaan dan bagaimana ia meningkatkan status wanita dari segi ekonomi, politik, sosial dan psikologi. Kajian menunjukkan

pemeriksaan wanita dari segi ekonomi, politik, sosial dan psikologi mampu merapatkan jurang gender di Kadamaian, Kota Belud. Hal ini demikian kerana terdapat ramai wanita yang mampu menjana pendapatan sendiri dan tidak bergantung dengan pendapatan suami. Selain itu, terdapat wanita yang berjaya memecahkan dominasi lelaki dalam bidang pengurusan, pentadbiran dan pengendalian aktiviti lasak dalam ekopelancongan. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa wanita dan lelaki di Kadamaian mempunyai peluang yang seimbang untuk menjalankan peranan, tanggungjawab dan akses yang sama dalam sektor ekopelancongan.

Ekonomi

Pemeriksaan wanita dari segi ekonomi meneliti penjanaan pendapatan wanita yang terlibat dalam sektor ekopelancongan. Pemeriksaan ekonomi menjadi indikator penting untuk mengukur pemeriksaan wanita dalam sektor ini. Dalam kajian ini, didapati sektor ekopelancongan telah berjaya memperkasa wanita di Kadamaian dari segi ekonomi. Hal ini disebabkan sektor ekopelancongan telah membuka banyak peluang pekerjaan dan memberi peluang kepada wanita untuk menjana pendapatan untuk isi rumah masing-masing. Sebagai contoh, wanita yang menjadi penjaga kaunter pendaftaran pelancong dan pekerja pembersihan di tapak perkhemahan dan pondok di Ekopelancongan Kalangadanku, Kampung Nahaba memperoleh sumber pendapatan tetap melalui gaji harian dan bulanan. Data kajian menunjukkan wanita-wanita yang terlibat mampu menjana pendapatan dianggarkan antara RM600–RM1000 sebulan. Selain itu, bagi wanita yang dibayar secara harian, mereka menerima pendapatan sebanyak RM30 sehari. Menurut Puan Florrist dari Kampung Melangkap yang turut menjual produk tempatan kepada pelancong, sektor pelancongan memang mampu memberi pendapatan kepada wanita terlibat. Menurutnya:

“...memanglah banyak kebaikan kalau ada pelancong... bagi pendapatan.... tapi paling penting menambah pendapatanlah kan... sebab kalau banyak orang masuk di sini pertama kami boleh jual produk. Kedua boleh jalan bisnes urutan, ketiga boleh jual hasil tani... keempat kalau buka restoran adalah bisneskan memang menjana pendapatan kalau ko buka *homestay* lagi banyak ko duit...”

(Puan Florrist, temu bual, 9 November 2019)

Puan Yuni dari Kampung Nahaba mempunyai persepsi yang sama dengan Puan Florrist. Ketika ditanya berkenaan manfaat sektor ekopelancongan kepada wanita, beliau berpendapat sektor ekopelancongan menjana pendapatan dan membuka peluang perniagaan kepada wanita. Malah, wanita yang tidak terlibat secara langsung dalam sektor ekopelancongan juga mampu menjana pendapatan melalui penjualan produk lokal dan menawarkan perkhidmatan seperti mengurut kaki. Wanita boleh mengembangkan usaha menjadi peniaga atau usahawan dengan menjual anyaman, kraf tangan, hasil masakan seperti sambal yang menggunakan bahan tempatan. Katanya lagi,

“... Itu tengok dari musim-musim... kalau bagi saya ada musim kalau musim buah-buahan, musim nanas berbuah lebih itu pendapatan mahu seribu juga kalau musim buah-buahan...”

(Puan Yuni, temu bual, 11 November 2019)

Wanita yang mengusahakan kebun sayur-sayuran dan buah-bahan mampu meluaskan pasaran mereka dalam sektor ekopelancongan kerana terdapat ramai pelancong yang membeli buah-buahan dan sayur-sayuran di sekitar kawasan ekopelancongan. Sebagai contoh, Puan Yuni memperoleh pendapatan tambahan dalam RM 1,000 sebulan pada musim buah-buahan. Tambahan lagi, terdapat wanita yang membuka gerai makanan untuk memenuhi permintaan pelancong yang datang ke Kampung Melangkap. Peningkatan kedatangan pelancong ke Kampung Melangkap juga telah membolehkan wanita menjual hasil kraf tangan berasaskan manik dan rotan. Oleh itu, kewujudan peluang pekerjaan dan perniagaan yang saksama antara lelaki dan wanita telah membantu proses pemerksaan dan merapatkan jurang gender dari segi ekonomi.

Politik

Wanita juga berjaya diperksa dari aspek politik dalam sektor ekopelancongan di kawasan kajian. Terdapat lebih kurang 15.6 peratus responden wanita (rujuk Rajah 8) yang berpeluang mengurus dan mentadbir hal ehwal projek ekopelancongan. Pelantikan wanita sebagai pengerusi CBT di Kadamaian telah memberikan peluang, kuasa dan autonomi kepada wanita untuk terlibat dalam proses pembuatan keputusan dan operasi harian CBT. Sebagai pengerusi CBT, wanita mempunyai kuasa untuk mengatur dan menyusun hal-hal berkaitan

pembangunan, kewangan, kebersihan dan pengambilan tenaga kerja dalam projek ekopelancongan. Wanita berkuasa menentukan tanggungjawab dan aktiviti yang perlu dilakukan oleh ahli CBT yang lain. Puan Doihim yang ditemu bual pada 9 November 2019 menjelaskan sebahagian bidang tugas pengerusi CBT di kampungnya. Menurut beliau,

“... Oh, kadang-kadang membuat laporan pendapatan dan mencatat kehadiran pelancong dan juga menghadiri setiap pertemuan yang pengusaha-pengusaha... itu bahagian Kadamaian...”

(Puan Doihim, ditemu bual pada 9 November 2019)

Petikan perbualan dengan Puan Doihim menunjukkan peranan penting yang dijalankan oleh pengerusi CBT. Wanita membuat laporan pendapatan, merekodkan kedatangan pelancong dan bertemu dengan pengusaha-pengusaha ekopelancongan yang lain. Menurutnya lagi, selaku pengerusi CBT, beliau juga mengambil keputusan berkaitan hal berikut:

“...Kami apa... kadang-kadang apabila kami lihat kehadiran dalam gotong-royong tu ramai tidak datang,... kami akan adakan mesyuarat dan di situ... kami mengemukakan supaya gotong-royong semestinya ada wakil dalam satu keluarga. Itu saja...”

(Puan Doihim, ditemu bual pada 9 November 2019)

Selanjutnya, untuk perancangan masa hadapan mengembangkan CBT, beliau menambah:

“...rancangan saya akan menambahkan pondok-pondok dia dan sekarang ini pembangunan dewan kami sudah mulakan. Buat masa ini hanya itu. ...ada rancangan supaya kami adakan... membuat... jadikan tempat ini sebagai tamu bulanan. Satu kali dalam satu bulan tapi ini dalam perancanganlah supaya ada pendapatan lebih...”

(Puan Doihim, temu bual, 9 November 2019)

Temu bual dengan Puan Doihim selaku pengerusi CBT di Kadamaian menunjukkan beliau terlibat secara langsung dalam membuat keputusan khususnya dalam menentukan hala tuju CBT yang diterajui oleh beliau. Beliau mempunyai autoriti dan autonomi misalnya untuk mengadakan mesyuarat bagi

mengatasi masalah kekurangan penyertaan ahli dalam aktiviti gotong-royong. Beliau juga mempunyai kuasa berkaitan penggunaan sumber yang dimiliki CBT iaitu tapak tanah. Sebagai peneraju utama, ada beberapa perancangan untuk memajukan CBT seperti menambah pondok-pondok untuk kegunaan pelancong serta mengadakan Tamu Bulanan di CBT Kisakot agar wanita boleh memasarkan hasil jualan tani dan kraf tangan untuk menjana pendapatan.

Dalam konteks pemerksaan politik, isu paling penting ialah wanita terlibat dalam proses pembuatan keputusan berkaitan projek atau program ekopelancongan. Walaupun projek CBT ekopelancongan di Kadamaian mengamalkan pembuatan keputusan melalui undian majoriti, tidak dinafikan pengerusi syarikat ekopelancongan dan CBT mempunyai pengaruh yang lebih besar berbanding ahli jawatankuasa yang lain. Tambahan lagi, walaupun keputusan dibuat melalui kata sepakat, pelaksanaan dan penguatkuasaan keputusan tersebut masih terletak di tangan pengurus projek ekopelancongan. Oleh itu, penglibatan wanita sebagai pihak pengurusan ekopelancongan khususnya sebagai pengerusi CBT telah berupaya memperkasakan wanita dari segi politik.

Sosial

Pemerksaan sosial wanita diteliti melalui peningkatan kemahiran, pengetahuan, interaksi sosial dan jaringan sosial mereka. Kemahiran dan pengetahuan wanita dalam sektor ekopelancongan ditingkatkan dengan mengikuti program dan kursus kemahiran. Kadamaian Tourism Association (KATA) telah menawarkan pelbagai kursus kemahiran kepada ahli komuniti di Kadamaian. Antara kursus kemahiran yang telah dianjurkan adalah kursus menyelamat, pengendalian makanan dan kraf tangan. Kursus kemahiran yang ditawarkan telah memperbaiki dan meningkatkan lagi kemahiran wanita untuk turut terlibat aktif dalam sektor ekopelancongan.

Kursus-kursus lain yang dianjurkan berkaitan keselamatan ialah kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Bomba Kota Belud. Kursus tersebut melatih peserta untuk menyelamatkan pengunjung di sungai. Peserta diajar cara-cara menyelamatkan mangsa jika berlaku kecemasan di sungai. Selain itu, kursus strategi menarik dan mempromosi serta memasarkan pakej pelancongan juga

turut diadakan. Kursus lain berkaitan pelancongan yang dapat dimanfaatkan wanita yang terlibat dengan sektor ekopelancongan ialah kursus ICT yang memberi tunjuk ajar kepada peserta untuk membuat laman web bagi mempromosi pakej ekopelancongan mereka. Menurut Puan Loraine,

“...Saya pernah ikut kursus... pengendalian *homestay*, kursus pengendalian makanan, Seminar Geologi yang hari tu dibuat sana MNR (Melangkap Nabal Rafflesia) sama kursus kraftangan...”

(Puan Loraine, temu bual, 9 November 2019)

Bagi wanita yang bekerja di kaunter pendaftaran, mereka ini sememangnya berinteraksi secara langsung dengan pelancong dari luar. Interaksi wanita dengan pelancong telah meningkatkan lagi keyakinan mereka berkomunikasi. Malah, ada wanita yang ditemu bual menyatakan mereka berusaha untuk berbual dalam bahasa Inggeris khususnya semasa berinteraksi dengan pelancong antarabangsa. Wanita berusaha mempelajari bahasa ini untuk berkomunikasi dengan pelancong yang berasal dari luar negara. Kemahiran ini juga menambah keyakinan mereka dalam berkomunikasi kerana situasi kerja yang memerlukan mereka sentiasa berinteraksi dan menjadi barisan hadapan melayani pertanyaan pelancong dari luar. Berkaitan dengan isu berkomunikasi dengan pelancong, Puan Laila dari Kampung Melangkap yang bekerja di bahagian *housekeeping* di Laini Homestay dan penjaga Gerai Laini berkongsi pengalaman beliau berkomunikasi dengan pelancong dari luar dan bagaimana interaksi berterusan ini meningkatkan lagi keyakinan beliau. Beliau menyatakan,

“...pernah bercerita kalau dorang datang pergi makan sini berceritalah tentang... tapi terus terang kalau ada yang orang putih kan saya tidak pandai walaupun faham tapi saya tidak pandai mahu bercakap Inggeris dia tapi kebanyakan yang ada datang sini ada dorang bawa tukang kasi tahu. Kebanyakan yang datang sini bertanya macam mana terjadi begini begitu... Tidak juga neves begitu sebab kalau saya tahu saya seriuslah bercerita bukan main-mainkan. Banyak sudah jumpa sama pelajar, paling ramai itu juga soalan dorang...”

(Puan Laila, temu bual, 12 November 2019)

Bagi Puan Martinah, wanita berpeluang meluaskan jaringan sosial dengan terlibat dalam menjual kraf tangan. Penglibatan dalam menjual kraf tangan telah memberikan beliau peluang untuk mengikuti pertandingan dan pameran kraf tangan sama ada di luar Kadamaian ataupun Kota Belud. Pertandingan dan pameran yang diadakan sudah pastinya memberikan wanita peluang untuk berjumpa dengan orang-orang baharu dan seterusnya meluaskan jaringan sosial mereka.

“...Saya jumpa kawan baru saya jual-jual kraf tangan saya dari pelanggan sebab kadang-kadang ada yang order juga kraf tangan sama saya lepas kami ber‘friend’ di Facebook sudah ...”

(Puan Martinah, temu bual, 12 November 2019)

Psikologi

Pemerksaan psikologi boleh diteliti melalui keyakinan diri dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar. Tidak dapat disangkal, wanita yang terlibat dalam sektor ekopelancongan di Kadamaian telah melalui proses pemerksaan psikologi. Salah seorang responden yang ditemu bual iaitu Puan Julita menyatakan wanita semakin yakin dan berani berinteraksi dengan pelancong yang datang. Sebelum ini mereka enggan bergaul dengan pelancong kerana kurang berkeyakinan dengan kebolehan untuk berinteraksi dan berkomunikasi. Namun, selepas sektor ekopelancongan dibangunkan dengan pesat di Kadamaian, beliau semakin berani dan berkeyakinan untuk berinteraksi dan mengurus pelancong yang datang. Katanya lagi,

“...dulu saya kurang bercakap kalau ada orang kawan yang tolong saya tapi makin lama makin berani sudah saya bercakap sama pelanggan sama pandai sudah atur itu pelanggan”.

(Puan Julita, temu bual, 9 November 2019)

Pengalaman yang sama dikongsi oleh Puan Lorence. Peranan sebagai penjaga kaunter pendaftaran merangkap pengurus Win Homestay memerlukan beliau berinteraksi secara langsung dengan pelancong. Interaksi antara wanita dan pelancong telah meningkatkan keyakinan diri mereka untuk berhadapan dengan pelancong tempatan dan pelancong dari luar. Selain itu, kursus-kursus

kemahiran yang disertai wanita berkaitan ekopelancongan telah meningkatkan lagi keyakinan mereka dan membantu mereka menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Selain itu, bagi wanita yang mengetuai jawatankuasa kebersihan dan keceriaan dalam sektor ekopelancongan, mereka turut mempraktikkan amalan kitar semula dengan mengubah botol plastik sebagai hiasan di sekitar sektor ekopelancongan. Puan Lorence seterusnya berpendapat,

‘... dia memang sangat memberi kesan lah dari segi kita punya minda di mana pertama sekali adalah kita kena beri servis yang terbaik kepada pelancong. ..servis yang baik maksud saya dari sini tahap kebersihan...’

(Puan Lorence, temu bual, 9 November 2019)

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini jelas menunjukkan wanita yang terlibat dalam sektor ekopelancongan di Kadamaian, Kota Belud telah melalui proses pemeraksanaan dalam aspek ekonomi, sosial, politik dan psikologi. Wanita berjaya memecah dominasi lelaki dalam beberapa peranan yang biasanya dikuasai lelaki seperti ketua projek pelancongan, mengetuai aktiviti lasak seperti pengendali *jungle trekking*, mengendali aktiviti rakit di sungai, mengendali pengembaraan di gua, dan air terjun, mengendali aktiviti *flying fox* serta menjadi penyelamat di sungai menunjukkan peranan wanita semakin penting dalam sektor ini. Wanita juga terlibat dalam proses membuat keputusan, khususnya dalam menentukan hala tuju sesebuah projek ekopelancongan, menjadi pemilik *homestay*, menjadi pengurus *homestay*, serta menjadi penggerak dan memberi idea bagaimana sumber semula jadi di kawasan ekopelancongan di kampung mereka dibangunkan serta dimajukan. Dengan kepelbagaian peranan wanita dalam sektor ekopelancongan di kawasan kajian, ia jelas menunjukkan jurang gender berjaya dikurangkan. Lebih dari itu, kesaksamaan gender dalam sektor ini mampu dicapai jika wanita terus mempelbagaikan peranan mereka, memecah tradisi untuk melibatkan diri dalam pekerjaan yang didominasi lelaki, bersaing dan lebih kompeten dalam meningkatkan akses kepada sumber, mengawal sumber dan seterusnya memiliki aset dan sumber untuk dimajukan di kawasan ekopelancongan.

RUJUKAN

- Abdullah, M., Awang Noor, A. G, Hin Wai Yip & Zabidi, H. (2016). Assessment of attractions, visitation and local community-based ecotourism at Marudu Bay, Sabah. *The Malaysian Forester*, 79(1&2),189–196.
- Barry, K.S. (2012). *Women empowerment and community development through ecotourism*. (Unpublished Master Thesis). SIT Graduate Institute, Vermont, USA.
- Bras, K. & Dahles, H. (1998). Women entrepreneurs and beach tourism in Sanur, Bali: Gender employment opportunities and government policy. *Pacific Tourism Review*, 1, 243–256.
- Dayang Suria Mulia. (2017). Survival strategies of single mothers among indigenous ethnics in rural areas: Case study in Kota Belud, Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 23, 43–63.
- Dilly, B. J. (2003). Gender culture and ecotourism: Development policies and practices in the Guyanese rain forest. *Women's Studies Quarterly*, 31(3/4), 58–75.
- Donohue, H. & Needham, R. (2006). Ecotourism: The evolving contemporary definition. *Journal of Ecotourism*, 5(3),192–210.
- Duini @ Vini Sinteh. (2010). *Taman Kinabalu sebagai asas pelancongan utama Sabah dan kesannya kepada masyarakat setempat*. (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Ferguson, L. (2009). Analysing the gender dimensions of tourism as a development strategy. *Paper Presented at the Development Studies Association Conference*. University of Ulster, Coleraine, Northern Ireland, September.
- Fredrick, Z.A.O., et al. (2015). Ecotourism for community empowerment and social inclusion: The case of Abindu sacred site in Kisumu county, Kenya. *Journal of Economics and Sustainable Development*, 6(4), 7–15.
- Gentry, K. M. (2007). Bellzean women and tourism work: Opportunity or impediment. *Annal of Tourism Research*, 34(2), 477–496.
- Intan Osman, Zainal Ariffin Ahmad, Noor Hazlina Ahmad, Azrina Hussin, Saridan Abu Bakar & Nur Diyana Tanwir. (2009). Following the trail of women homestay entrepreneurs in Malaysia: Understanding their motivation and empowerment. *TEAM Journal of Hospitality & Tourism*, 6(1), 24–35.
- Irandu, M. E. & Shah, P. (2014). The role of ecotourism in promoting women empowerment and community development: Some reflections from Kenya. *Journal of Tourism and Hospitality Management*, 2(6), 245–259.
- Jabil Mapjabil. (2010). Pelancongan berasaskan selam skuba di Pulau Mabul, Sabah. *Prosiding PERKEM V*, 2, 311–320.
- Jacobus, F. K, Carel, D., & Miriam, M. (2005). Ecotourism as a development strategy: Experiences from Costa Rica. *Environ Dev Sustain*, 11, 1225–1237.
- Jayaraman, K., et al. (2010). Sustainable ecotourism: The case of East Malaysia. *TEAM Journal of Hospitality and Tourism*, 7(1), 27–44.

- Johan Afendi Ibrahim & Mohamad Zaki Ahmad. (2009). Program homestay pemangkin pertumbuhan ekonomi luar bandar: Kajian kes negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia. *Prosiding PERKEM, IV* (2), 227–242.
- Jurry Foo & Kadir Jaafar. (2019). Women's role in the medicinal plants market in the tamu of west coast, Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 25, 13–20.
- Kartina Narwan & Dayang Suria Mulia. (2019). Impak ekopelancongan terhadap pemerkasaan wanita, kesaksamaan gender dan pembangunan komuniti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(6), 139–151.
- Koeman. (1998). Sa Pa, Vietnam: Capacity building for sustainable tourism and Sa Pa, Vietnam: Ideas for the future. *Communications to the Internet Conference of Community Based Mountain Tourism Sponsored by Mountain Forum*, 11 May.
- Long, V. & G. Wall. (1995). Small scale tourism development in Bali. Dlm. M. Conlin & T. Baum (Eds.). *Island tourism: Management, Principles and Practice*. London: John Wiley & Sons Ltd.
- Manu, I. K., & Wuleka, C-J. (2012). Community-based ecotourism and livelihood enhancement in Sirigu, Ghana. *International Journal of Humanities and Social Science*, 2(18), 97–108.
- Mohd Jirey Kumalah, Gusni Saat, Jabil Mapjabil, Rosazman Hussin, Teuku Afrizal & Mustapa Abu. (2015). Kearifan tempatan dan potensinya sebagai tarikan pelancongan berasaskan komuniti: Kajian kes komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani, Sabah *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 11(12), 112–128.
- Monterrubio, C.J. & Espinosa, B. (2013). Characterisation of ecotourism employment in a developing world destination. *GeoJournal of Tourism and Geosites*, 1(11), 54–65.
- Muhammad Faiz Saumi & Izzal Asnira Zolkepli. (2017). Kelestarian kualiti perkhidmatan ekopelancongan: Aplikasi model analisa 'gap' bagi memahami kepuasan pelancong zoo Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 49(12), 141–154.
- Mwangi, D. W. (2005). *A case study analysis on the social impact of the ecotourism project in Selenkei Ranch, Amboseli, Kenya*. (Unpublished Master Thesis (Tourism)), University of Witwatersrand, SA.
- Nor Haniza Mohamad. (2016). Critical success factors of community-based tourism in Batu Puteh, Kinabatangan, Sabah. (Unpublished PhD Thesis (Management)), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Nur Syakiran Akmal Ismail. (2015). Mengarusperdana gender di Malaysia: Satu tinjauan konseptual. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(7), 160–171.
- Obadic, A. (2016). Gender discrimination and pay gap on tourism labor market. *International Journal of Mechanical and Industrial Engineering*, 10(3), 823–828.

- Ramzah Dambul & Amriah Buang. (2008). Permasalahan industri pelancongan di Kundasang, Sabah: Penjelasan kestrukturannya Marxist. *Malaysian Journal of Society and Space*, 4, 32–44.
- Reimer, J. K., & Walter, P. (2013). How do you know it when you see it? Community-based ecotourism in Cardamom mountains of southwestern Cambodia. *Tourism Management*, 34, 122–132.
- Ridgeway, C., L. (2011). *Frame by gender*. New York: Oxford.
- Rosazman Hussin & Velan Kunjuraman. (2014). Pelancongan mapan berasaskan komuniti (CBT) melalui program homestay di Sabah, Malaysia. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10(3), 160–174.
- Rosazman Hussin & Velan Kunjuraman. (2016). Women participation in ecotourism development: Are they empowered? *World Applied Sciences Journal*, 34(12), 1652–1658.
- Sabah Tourism Board. Jumlah Ketibaan Pelancong dan Pendapatan Ekonomi Pelancongan. Diakses pada Julai 2019 daripada <https://www.sabahtourism.com>.
- Sato, T. & Chem Wern Hong, Masazumi AO, Badaruddin Mohamed & Ngai Weng Chan. (2013). Kajian perbandingan isu dan cabaran ekopelancongan di Taman Negara Pulau Pinang dan Taman Kinabalu, Malaysia. *Pascasidang Seminar Serantau ke-2 Pengurusan dan Persekitaran di Alam Melayu*, 589–595.
- Schellhorn, M. (2010). Development for whom? Social justice and the business of ecotourism. *Journal of Sustainable Tourism*, 18(1), 115–135.
- Scheyvens, R. (1999). Ecotourism and the empowerment of local communities. *Tourism Management*, 20, 245–249.
- Scheyvens, R. (2000). Promoting women's empowerment through involvement in ecotourism: Experiences from The Third World. *Journal of Sustainable Tourism*, 8(3), 232–249.
- Scheyvens, R. (2007). Ecotourism and gender issues. Dlm. J. Higham. (Ed.). *Critical Issues in Ecotourism*. Burlington, MA: Elsevier.
- Scott, J., Plagnol, A.C. & Nolan, J. (2010). Perceptions of quality life: Gender differences across the life. Dlm. J. Scott, R. Crompton & C. Lyonette (Eds.). *Gender Inequalities in the 21st Century: New Barriers and Continuing Constraints*. United Kingdom: MPG Books Group.
- Simon, C., et al. (2011). The theory and practice of ecotourism in South Africa. *Journal of Hospitality Management and Tourism*, 2(2), 14–21.
- Stronza, A. (2005). Hosts and hosts: The anthropology of community-based ecotourism in Peruvian Amazon. *National Association for The Practice of Anthropology Bulletin*. Texas A&M University.
- Tong, R.P. & Botts, T.F. (2017). *Feminist thought: A more comprehensive introduction*. (5th ed.). New York: West View Press.
- Tran, L. & Walter, P. (2014). Ecotourism, gender and development in Northern Vietnam. *Annals of Tourism Research*, 44, 116–130.

- Walter, P. (2011). Gender analysis in community-based ecotourism. *Tourism Recreation Research*, 36(2), 159–168.
- Weaver, D. B., & Lawton, L. J. (2007). Progress in tourism management. Twenty years on: The state of contemporary ecotourism research. *Tourism Management*, 28 1168–1179.
- Wilkinson, P. & Pratiwi, W. (1995). Gender and tourism in an Indonesian village. *Annals of Tourism Research*, 22 (2), 283–99.
- Wood, M., E. (2002). Ecotourism: Principles, practices and policies for sustainability. United Nations environment programme. Diakses pada Julai 2019 daripada <http://www.unep.fr/scp/publications/details.asp?id=WEB/0137/PA>.

Temu bual

- Wawancara bersama Jupiah Somboton, pada 9 November 2019, bertempat di Kampung Melangkap, Kota Belud, Sabah.
- Wawancara bersama Doihim Salantik, pada 9 November 2019, bertempat di Kampung Melangkap, Kota Belud, Sabah.
- Wawancara bersama Laila wong, pada 9 November 2019, bertempat di Kampung Melangkap, Kota Belud, Sabah.
- Wawancara bersama Julita Tunding, pada 9 November 2019, bertempat di Kampung Melangkap, Kota Belud, Sabah.
- Wawancara bersama Loraine, pada 9 November 2019, bertempat di Kampung Melangkap, Kota Belud, Sabah.
- Wawancara bersama Lorence Awasang, pada 9 November 2019, bertempat di Kampung Melangkap, Kota Belud, Sabah.
- Wawancara bersama N. Florrist Jainggin, pada 9 November 2019, bertempat di Kampung Melangkap, Kota Belud, Sabah.
- Wawancara bersama Yuni, pada 11 November 2019, bertempat di Kampung Nahaba, Kota Belud, Sabah.
- Wawancara bersama Martinah Yabis, pada 12 November 2019, bertempat di Kampung Melangkap, Kota Belud, Sabah.